

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
[HULU LANGAT]
TARIKH : **25.05.2016 (RABU)**

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan pencapaian Koperasi-Koperasi peringkat Universiti yang membawa kejayaan cemerlang kepada negara sebagai entiti sektor Ekonomi Ketiga.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2015, terdapat 84 koperasi peringkat universiti telah didaftarkan dengan jumlah perolehan sebanyak RM224 juta dan telah berjaya mengumpul aset berjumlah RM348 juta. Antara koperasi universiti yang berjaya ialah Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia Kelantan Berhad yang telah menceburi pelbagai jenis perniagaan seperti peruncitan, pusat rawatan dialisis dan pada masa ini sedang merancang untuk menjalankan aktiviti pusat perubatan dan hospital.

Selain itu, Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad juga merupakan antara koperasi universiti yang berjaya dan telah menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan seperti stesyen minyak, taska, kedai runcit dan perhotelan.

Pada masa yang sama, Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sedang bekerjasama dengan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) bagi mencungkil bakat-bakat keusahawanan pelajar dan mahasiswa melalui Koperasi Siswa menerusi Program *Hi-Per Student Co-operative* 2016.